

NO. KONTRAK :

PERJANJIAN PENYEWAAN PENYALIN SHARP

DI ANTARA

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

DENGAN

YEE COPIER SALES & SERVICE(KT

0106403-U)

LOT 839A, TINGKAT BAWAH, T/1, T/2,JALAN SRI

CEMERLANG

15300 KOTA BHARU,

KELANTAN

PERJANJIAN PENYEWAAN
MESIN PENYALIN SHARP DI
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

No. KONTRAK :

PERJANJIAN PERKHIDMATAN SEWAAN ini dibuat pada 01 May Tahun 2021

PERJANJIAN ini dibuat padaharibulan tahun 2021 DI ANTARA **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966 (selepas dari ini disebut "Penyewa") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai satu pihak

DAN

YEE COPIER SALES & SERVICE sebuah syarikat Sendirian Berhad yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 di Malaysia (**No. Syarikat : KT 0106403-U**) dan yang beralamat di **Lot839A, Tingkat Bawah, T/1, T/2 Jalan Sri Cemerlang, 15300 Kota Bharu, Kelantan** (selepas ini disebut sebagai "Pemilik") sebagai pihak yang satu lagi sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Penyewa berhasrat untuk menyewa 1 (satu) unit mesin penyalin berwarna iaitu Sharp MX-3610NR sebagaimana yang diperihalkan dalam Perkara (1) Jadual (selepas ini disebut "Kelengkapan") dan Pemilik telah bersetuju untuk menyewakan Kelengkapan kepada Penyewa mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.



DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI OLEH PIHAK-PIHAK SEPERTI BERIKUT :

1. TAKRIF

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain,

Istilah di bawah ini akan membawa maksud seperti berikut :

- | | | |
|-----|---------------|---|
| 1.1 | “Penyewa” | PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC). |
| 1.2 | “Pemilik” | Ertinya YEE COPIER SALES & SERVICE yang beralamat Lot 839A, Tingkat Bawah, T/1, T/2, Jalan Sri Cemerlang, 15300 Kota Bharu, Kelantan termasuk orang perseorangan, rakan kongsi, wasi-wasi, pentadbir, pengganti, penerimapindah miliknya yang memberi tawaran untuk menyewaKelengkapan yang telah dipersetujui dan menandatanganiPerjanjian ini. |
| 1.3 | “Bulan” | Bermaksud bulan calendar Gregorian |
| 1.4 | “Jadual” | Bermaksud jadual yang dilampirkan dalam Perjanjian ini hendaklah disifatkan menjadi sebahagian dan dibacabersama dengan perjanjian ini. |
| 1.5 | “Kelengkapan” | Bermaksud Mesin Penyalin Sharp yang diperihalkan Dalam Perkara (1) Jadual Perjanjian ini dan hendaklah termasuk semua penggantian, pembaharuan atau penambahan yang dibuat dari masa ke semasa terhadap mesin fotostat tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya serta sebarang aksesori yang ditambahkan kepada mesin fotostat tersebut. |



- 1.6 “Premis” Bermaksud tempat di mana Kelengkapan diletakkan seperti mana yang diperihalkan dalam Perkara (1) Jadual Perjanjian
- 1.7 “Waktu” Bermaksud waktu bekerja bagi Pejabat Kerajaan iaitu:
Perniagaan (a) Hari Ahad - Khamis
Biasa” 7.30 pagi – 5.30 petang
- Tidak termasuk cuti umum dan cuti am bagi Negeri Kelantan.
- 1.8 “Nilai Perjanjian” Bermaksud Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Puluh Ringgit sebulan atau Enam Ribu Ringgit untuk 24 bulan
- “Sewa” Bermaksud sewa bulanan yang mesti dibayar oleh penyewa kepada Pemilik dalam Tempoh Sewaan atau sebarang pelanjutan selepas itu seperti yang diperihalkan dalam Perkara (2) Jadual kepada Perjanjian ini.

2. TEMPOH SEWAAN

- 2.1 Perjanjian ini adalah bagi tempoh 24 Bulan (Selepas ini disebut sebagai “Tempoh Sewaan”) bermula dari **01/05/2021** (“selepas ini disebut sebagai “Tarikh Kuat Kuasa Perjanjian”) hingga **30/04/2023** (“selepas ini dirujuk sebagai “Tarikh Penamatan Perjanjian”)
- 2.2 Pemilik boleh memohon melalui notis bertulis kepada Penyewa tidak kurang daripada 30 hari atau (1) bulan sebelum Tarikh Penamatan Perjanjian sekiranya ingin melanjutkan Tempoh Sewaan. Sekiranya Penyewa bersetuju untuk melanjutkan Perjanjian ini, Penyewa hendaklah mengadakan perbincangan dengan Pemilik mengenai Perlanjutan Tempoh

Sewaan. Kelulusan untuk melanjutkan Tempoh Sewaan tertakluk kepada budi bicara pihak Penyewa.

- 2.3 Sekiranya permohonan dipertimbangkan pihak-pihak hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah selepas penerimaan permohonan oleh Penyewa berunding mengenai terma-terma dan syarat-syarat lanjutan Perjanjian tidak melebihi satu (1) bulan sebelum penamatan Perjanjian. Sekiranya pihak-pihak gagal mencapai persetujuan, Perjanjian ini hendaklah tamat secara automatik pada tarikh penamatan Perjanjian.

3. SEWA

- 3.1 Sepanjang tempoh sewaan penyewa hendaklah membayar sewa dengan jumlah yang dirujuk dalam Perkara (2) Jadual Perjanjian ini setiap bulan, tertakluk kepada dua (2) salinan invoice bagi setiap pembayaran daripada Pemilik yang dikemukakan kepada:

**Perbadanan Produktiviti Malaysia
Pejabat Negeri Kelantan
Tingkat 3, Wisma Perkeso, Jalan Kota Darulnaim,
15338 Kota Bharu, Kelantan.**

- 3.2 Bayaran bulanan boleh dibuat oleh Penyewa dengan cek atau kiriman wang atau bayaran terus ke dalam akaun (*Electronic Fund Transfer*) atas nama YEE COPIER SALES & SERVICE dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh invoice yang disebut dalam Fasal 3.1 diterima.

4. PENGHANTARAN DAN PEMERIKSAAN KELENGKAPAN

Penyewa hendaklah memeriksa Kelengkapan semasa penghantaran Kelengkapan dibuat kepadanya. Penyewa adalah dianggap telah memeriksa Kelengkapan dan berpuas hati dengan keadaan Kelengkapan apabila Pemilik tidak menerima apa-apa notis bertulis daripada Penyewa tentang ketidakpuasan hatinya terhadap Kelengkapan dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh pemasangan Kelengkapan, kecuali apa-apa kecacatan yang tidak dapat dikesan oleh Penyewa dalam tempoh pemeriksaan yang tersebut.



5. WAAD PENYEWAWA

Dengan ini Penyewa berwaad dengan Pemilik bahawa sepanjang Tempoh Sewaan ini, Penyewa hendaklah:

- 5.1 Membayar Sewa pada kadar yang ditetapkan di dalam Jadual (Perkara 2) di lampiran Perjanjian ini.
- 5.2 Membenarkan Pemilik dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemilik, pada setiap masa yang sesuai dan setelah satu notis bertulis yang munasabah diberikan kepada Penyewa untuk masuk ke dalam Premis bagi maksud memeriksa keadaan Kelengkapan dan menjalankan khidmat penyelenggaraan, pembaikan dan penggantian Kelengkapan atau mana-mana bahagiandaripadanya
- 5.3 Menjaga dan memastikan bahawa Kelengkapan berada dalam milik Penyewa sepanjang Tempoh Sewaan ini dan mengawal serta tidak memindahkan Kelengkapan atau mana-mana bahagian daripadanya dari Premis tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari Pemilik dan persetujuan itu tidak boleh ditahan dengan tidak munasabahnya;
- 5.4 Tidak menyebabkan atau membenarkan Kelengkapan dipasang atau dilekatkan pada Premis sebagai lengkapan;
- 5.5 Membayar ganti rugi kepada Pemilik atas segala kehilangan atau kerosakan yang berlaku terhadap Kelengkapan atau mana-mana bahagian daripadanya sekiranya kehilangan atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuai, kelalaian atau tindakan sengaja Penyewa atau kakitangannya;
- 5.6 Membayar semua kos pembaikan yang dilakukan oleh alat ganti yang dibekalkan kepada Kelengkapan jika pembaikan dan penggantian tersebut



berpunca daripada kecuaiian, kelalaian, atau tindakan sengaja Penyewa atau kakitanganya;

- 5.7 Memastikan Kelengkapan bebas daripada sebarang pelaksanaan distress atau proses undang-undang lain;
- 5.8 Memberitahu Pemilik tentang sebarang perubahan alamat Penyewa;
- 5.9 Tidak menjual, menyerahkan hak, menyewa, menggandai janji, menyandar atau melepaskan milik Kelengkapan atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pemilik; dan
- 5.10 Mengelak daripada membaiki, menyelenggarakan atau dengan apa-apa cara lain mengusik Kelengkapan atau menghapus plat nama Pemilik pada Kelengkapan.

6. WAAD PEMILIK

Dengan ini Pemilik berwaad dengan Penyewa bahawa sepanjang Tempoh Sewaan ini, Pemilik hendaklah ;

- 6.1 Menghantar dan memasang Kelengkapan di Premis dengan syarat Kelengkapanyang dihantar dan dipasang hendaklah dalam keadaan yang sangat baik. Jika dalam Tempoh Sewaan Kelengkapan yang dihantar dan dipasang didapati cacat dan Penyewa tidak dapat menggunakan Kelengkapan bagi tujuan ia disewakan serta Pemilik tidak mampu untuk membaiki kecacatan tersebut, maka Penyewa boleh ;

(a) Menolak Kelengkapan dan menamatkan Perjanjian ini; atau

(b) Menolak Kelengkapan dan Pemilik hendaklah menggantikannya dengan Kelengkapan yang lain dan Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa untuk baki Tempoh Sewaan.



- 6.2 Memastikan bahawa Kelengkapan berada dalam keadaan yang sangat baik dan untuk tujuan ini, Pemilik hendaklah menyediakan khidmat penyelenggaraan dan pembaikan mengikut aturan serta membekalkan alat-alat ganti tanpa kos di pihak Penyewa dengan syarat khidmat pembaikan atau pembekalan alat-alat ganti tersebut bukan disebabkan oleh kecuaiian, kelalaian atau tindakan sengaja Penyewa. Apa-apa perkhidmatan dijalankan oleh Pemilik hendaklah dilakukan dalam tempoh Waktu Perniagaan Biasa dan jika perlu pada bila-bila masa yang dipersetujui bersama oleh Pemilik dan Penyewa;
- 6.3 Memberi jaminan bahawa pelaksanaan khidmat penyelenggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti ke atas Kelengkapan tersebut akan berjalan dengan sempurna dan dijamin daripada apa-apa kekurangan, kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran tenaga kerja;
- 6.4 Menghantar Juruteknik yang berkelayakan untuk memeriksa, menyelaras dan menyelenggarakan Kelengkapan;
- 6.5 Mengajar dan melatih Juruteknik Penyewa yang dipilih untuk memeriksa, menyelaras dan menyelenggarakan Kelengkapan;
- 6.6 Mengganti rugi Penyewa atas apa-apa kerosakan yang berlaku ke atas Kelengkapan yang berpunca daripada kelalaian, kecuaiian atau perbuatan sengaja oleh Pemilik, pekerjaanya, agen-agennya atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihaknya.
- 6.7 Membenarkan Penyewa yang telah dengan wajarnya membayar sewa dan melaksanakan serta mematuhi persetujuan-persetujuan dan syarat-syarat di pihaknya yang terkandung dalam Perjanjian ini supaya memegang dan menikmati secara aman dan tenteram Kelengkapan sepanjang Tempoh Sewaan ini tanpa gangguan atau kekacauan dari atau oleh Pemilik atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah atau

sebagai amanah bagi pihak pemilik.

- 6.8 Tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemui atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan Perjanjian ini di antara kedua-dua pihak. Klausula ini hendaklah terus berkuatkuasa walaupun setelah Perjanjian ini ditamatkan;
- 6.9 Tidak boleh memajakkan kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa Perjanjian kecil bagi tujuan Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Penyewa;
- 6.10 Tidak boleh memberi milik kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau menerima milik, menggandai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar di bawah Perjanjian ini apa-apa faedah yang terbit atau yang mungkin terbit daripada Perjanjian ini kepada mana-mana orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Penyewa; dan
- 6.11 Akan membekalkan secara percuma segala kelengkapan guna habis (consumables) seperti toner, drum, roller dan sebagainya sepanjang Tempoh Sewaan ini kecuali kertas.

7. PENAMATAN PERJANJIAN

- 7.1 Pemilik boleh memberi notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada Penyewa bagi menamatkan Perjanjian ini jika didapati;
 - (a) Selepas satu notis bertulis diserahkan oleh Pemilik kepada Penyewa, Penyewa masih gagal membayar sewa yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk dibayar oleh Penyewa selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh notis tersebut diserahkan kepada Penyewa; atau
 - (b) Penyewa gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.



7.2 Penyewa boleh dengan memberi notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada Pemilik untuk menamatkan Perjanjian ini jika didapati;

(a) Pemilik gagal untuk mematuhi atau melaksanakan mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini; atau

(b) Pemilik sebagai orang perseorangan (atau apabila Pemilik adalah firma, mana-mana pekongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau sesuatu perintah penerimaan atau pentadbiran dibuat terhadapnya atau bagi faedah pemiutang, atau jika Pemilik adalah sebuah syarikat meluluskan sesuatu ketetapan atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digulung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang penerima atau pengurus bagi pihak seorang pemiutang dilantik atau jika timbul keadaan yang memberi hak kepada Mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan;

Dengan syarat sentiasa bahawa penamatan Perjanjian ini di bawah klausa 7.2 ini tidak akan menyentuh hak-hak lain Penyewa yang sedia terakru di bawah Perjanjian ini.

7.3 Walau apa pun jua dalam Perjanjian ini, Penyewa boleh menamatkan Perjanjian ini lebih awal daripada tempoh penyewaan atas apa jua sebab sekalipun dengan memberi satu (1) bulan notis kepada Pemilik.

7.4 Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, setelah memberi notis bertulis kepada Penyewa dan dipersetujui bersama oleh Pemilik dan Penyewa, Pemilik berhak;

7.4.1 Memasuki premis untuk mengambil semua Kelengkapan; dan

7.4.2 Apa-apa jumlah wang yang tertunggak terhadap Perjanjian ini.

8. HAK MILIK KELENGKAPAN

Hak milik ke atas Kelengkapan adalah terletak pada Pemilik dan akan kekal sepanjang tempoh berkuatkuasanya Perjanjian ini.

9. PERLANJUTAN PERJANJIAN

Atas permintaan bertulis daripada Penyewa yang dibuat **tiga (3) bulan** sebelum tamat Perjanjian ini, Pemilik bolehlah melanjutkan Perjanjian ini selama tempoh masa yang dipersetujui di antara Pemilik dan Penyewa dengan jumlah sewa yang akan saling dipersetujui dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang terkandung dalam Perjanjian ini kecuali dan melainkan syarat ini.

10. ALAT GANTI DAN BEKALAN TAMBAHAN

Penyewa bersetuju dan mengaku janji bahawa akan hanya menggunakan alat ganti dan bekalan bahan yang berkaitan dengan dan menjadi pelengkap kepada Kelengkapan iaitu toner, pencuci, bahan kimia dan bahan-bahan lain yang dibekalkan oleh Pemilik. Pemilik dengan ini, mengaku janji bahawa akan membekalkan bahan-bahan tersebut dan khidmatpenyelenggaraan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Penyewa.

11. LIABILITI

Pemilik tidak akan bertanggungjawab terhadap segala kerugian, kecederaan atau kerosakan yang dialami oleh Penyewa akibat sebarang kecacatan atau kerosakan Kelengkapan kecuali jika kerugian, kecederaan atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kelalaian, kecuai atau perbuatan sengaja oleh Pemilik, pekerjaanya, agen-agensya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya.

12. NOTIS

Apa-apa notis, kelulusan, kebenaran, permintaan atau lain-lain bentuk komunikasi yang dikehendaki di bawah Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam Bahasa Melayu dan dihantar dengan pos berdaftar atau diserahkan ke alamat atau nombor faksimili pihak Penyewa atau Pemilik seperti yang tertera di bawah ini yang mana salah satu pihak telah mengesahkannya.



(a) Bagi pihak Pemilik :

**YEE COPIER SALES & SERVICE SDN BHD
LOT 839A, TINGKAT BAWAH, T/1, T/2,
JALAN SRI CEMERLANG,
15300 KOTA BHARU,
KELANTAN.
NO. TELEFON : 09-741 3033
NO. FAKSIMILI : 09-741 3032**

EMAIL: yeecopy@gmail.com

(b) Bagi pihak Penyewa :

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
PEJABAT NEGERI KELANTAN
TINGKAT 3, WISMA PERKESO,
JALAN KOTA DARULNAIM,
15538 KOTA BHARU, KELANTAN.
NO. TELEFON : 09-741 6260 / 61 / 62
NO. FAKSIMILI : 09-741 6263**

EMAIL : maswani@mpc.gov.my

Pihak-pihak hendaklah memberi notis bertulis 14 hari kepada pihak yang satu lagi, sekiranya berlaku pertukaran alamat atau entiti

13. PENEPIAN HAK

Kegagalan Pemilik atau Penyewa menjalankan penguatkuasaan mana-mana hak, remediatau peruntukan di bawah perjanjian ini, pada bila-bila masa tidak akan terjumlah kepada suatu peluputan hak, melainkan jika ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu.

14. PENGUATKUASAAN PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa setelah ia ditandatangani untuk dan bagi pihak Pemilik dan Penyewa dan hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.



15. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI BAGI PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan pihak-pihak kepada Perjanjian ini bersetuju untuk patuh kepada bidang Kuasa Eksklusif Mahkamah Malaysia.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN SEBAGAINYA

Pihak-pihak kepada Perjanjian ini bersetuju untuk mematuhi segala ketetapan undang-undang, ordinan, peraturan-peraturan atau undang-undang kecil, arahan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa negeri dari masa ke semasa.

17. “FORCE MAJEURE”

17.1 Kedua-dua pihak Pemilik dan Penyewa adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan Perjanjian ini jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan darurat seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut atau sebab-sebab atau bahaya- bahaya lain yang di luar kawalan pihak-pihak kepada perjanjian ini atau yang dianggap “*Force Majeure*”. Apabila mana-mana pihak mula mengalami kesulitan untuk melaksanakan atau terpaksa menangguhkan pelaksanaan Perjanjian ini akibat daripada insiden-insiden ini, maka Pemilik atau Penyewa adalah berkewajipan memberitahu pihak yang satu lagi secara bertulis dalam masa empat puluh lapan (48) jam dari saat berlakunya insiden tersebut mengenai penangguhan tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut.

17.2 Pemilik atau Penyewa juga hendaklah memberikan bukti-bukti yang munasabah kepada pihak yang satu lagi berkenaan insiden di atas beserta kesannya terhadap pelaksanaan Perjanjian ini.

17.3 Kedua-dua pihak berhak untuk menyiasat bagi memastikan bahawa peristiwa "*Force Majeure*" memang benar-benar berlaku. Kedua-dua pihak boleh melanjutkan tempoh pembekalan Perkhidmatan kepada tarikh yang difikirkan munasabah apabila berpuas hati dengan hasil penyiasatan.

17.4 Walau apa pun, ia adalah menjadi tanggungjawab Pemilik untuk memastikan pelaksanaan Perjanjian ini akan dilakukan tanpa sebarang kos tambahan kepada Penyewa.

18. PINDAAN

18.1 Pihak-pihak Perjanjian ini adalah sentiasa mempunyai hak membuat pindaan setiap masa di sepanjang tempoh Perjanjian ini jika difikirkan perlu.

18.2 Pindaan kepada Perjanjian hendaklah dibuat secara Perjanjian tambahan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak. Perjanjian tambahan itu hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebahagian daripada Perjanjian ini.

19. KERAHSIAAN

19.1 Kecuali dengan kebenaran bertulis terdahulu dari Penyewa, Pemilik hendaklah setiap masa mematuhi peruntukan-peruntukan berikut;

19.1.1 Tidak boleh menggunakan apa-apa kebenaran yang diberi oleh Penyewa kepada ejennya dan pekerjanya di bawah Perjanjian ini untuk mendapatkan apa-apa benda, suratan atau Pemilikan lain.

19.1.2 Sesuatu benda, suaratan atau maklumat rasmi yang diperolehi melalui Perjanjian ini hendaklah dikawal dan dijaga keselamatan atau kerahsiaan benda, suratan atau maklumat rasmi itu menurut segala peraturan dan undang-undang terpakai.

19.1.3 Pemilik tanpa kebenaran yang sah, tidak boleh membantu atau membenarkan orang lain memiliki benda, suratan atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat atau bekalan di bawah Perjanjian ini; dan

19.1.4 Sekiranya Pemilik memiliki sesuatu benda, suratan atau maklumat rasmi sama ada dengan menjumpainya atau dengan cara lain, Pemilik hendaklah memulangkannya dengan serta-merta kepada pihak Penyewa.

19.1.5 Sekiranya Pemilik gagal mematuhi peruntukan di bawah Klausula 19.1, Pemilik boleh didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 atau undang-undang lain yang berkaitan atau ditamatkan perjanjiannya atau kedua-dua sekali.

20. PEMAJAKAN DAN PERJANJIAN KECIL

Pemilik tidak boleh memajakkan apa-apa bahagian di bawah Perjanjian ini atau membuat apa-apa subkontrak kepada pihak ketiga bagi melaksanakan Perjanjian ini dan apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis dari pihak Penyewa.

21. PEMBERIAN MILIK

Pemilik tidak boleh menyerah hak atau memberi milik Perjanjian ini secara keseluruhannya atau sebahagiannya kepada pihak ketiga tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Penyewa. Sekiranya kelulusan diberi, kesemua terma dan syarat di dalam Perjanjian ini adalah terpakai kepada pihak ketiga tersebut.

22. MASA

Masa di mana-mana disebut di dalam Perjanjian ini menjadi intipati Perjanjian ini.



23. DUTI SETEM DAN KOS

Apa-apa duti setem dan kos yang kena dibayar berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pemilik.

24. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI BAGI PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysiadan pihak-pihak kepada Perjanjian ini bersetuju untuk patuh kepada bidang Kuasa Eksklusif Mahkamah Malaysia.

25. TIMBANG TARA

25.1 Jika berlaku apa-apa hal, pertikaian atau tuntutan yang timbul daripada atau berkenaan dengan Perjanjian atau pelanggaran atau penamatan berkenaan dengan Perjanjian yang tidak dapat dipersetujui atau diselesaikan secara baik atau aman oleh pihak-pihak, hal, pertikaian atau tuntutan tersebut hendaklah dirujuk kepada timbang tara yang dipersetujui oleh kedua belah pihak, dan sekiranya tidak ada persetujuan, hendaklah dicalonkan oleh Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur, atas permintaan atau permohonan oleh salah satu pihak yang terlibat, dan apa-apa hujahan hendaklah dianggap sebagai satu rujukan kepada timbang tara mengikut maksud Akta Timbang Tara 1952. Keputusan timbang tara adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak yang terlibat.

25.2 Pendengaran mana-mana timbang tara hendaklah dijalankan di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dengan menggunakan kesemua kemudahan dan kelengkapan yang terdapat di Pusat tersebut atau mana-mana tempat yang akan ditentukan oleh penimbang tara dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat.

25.3 Apa-apa rujukan terhadap mana-mana hal, pertikaian atau tuntutan kepada timbang tara selaras dengan klausa ini dan / atau perlanjutan prosiding



timbang tara akibat daripadanya hendaklah tanpa menyentuh apa-apa tuntutan oleh mana-mana satu pihak terhadap pihak yang satu lagi mengenai apa-apa pelanggaran terdahulu terhadap mana-mana persetujuan atau syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

26. RASUAH

26.1 Pemilik tidak boleh menawar, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana kakitangan Penyewa sebarang hadiah atau pertimbangan apa-apa jua pun sebagai dorongan atau balasan kerana melakukan apa-apa tindakan berhubung dengan perolehan atau pelaksanaan Perjanjian ini atau mana-mana Perjanjian lain dengan Penyewa atau kerana menunjukkan atau tidak menunjukkan sokongan terhadap mana-mana orang dalam Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian dan kontrak Penyewa yang lain.

26.2 Mana-mana pelanggaran syarat yang dinyatakan dalam Klausula 26.1 oleh Pemilik atau oleh seseorang yang bekerja dengannya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau tanpa pengetahuan Pemilik) akan terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009** berhubung dengan Perjanjian ini atau kontrak-kontrak atau perjanjian-perjanjian lain dengan Penyewa dan dengan ini akan sentiasa memberikan hak kepada Penyewa untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada Pemilik.

27. TANGGUNGAN

27.1 Penyewa tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan ataupun kemalangan yang berlaku terhadap pekerja-pekerja Pemilik semasa membuat dan menghantar Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini.

27.2 Pemilik hendaklah mengambil langkah-langkah keselamatan tertentu untuk memastikan tidak ada kecederaan ataupun kemalangan ke atas kakitangan atau kerosakan ke atas premis atau Perkhidmatan yang melibatkan Penyewa. Sebarang kecederaan ataupun kemalangan ke atas kakitangan atau kerosakan ke atas premis atau Perkhidmatan Penyewa disebabkan oleh kecuaiannya Pemilik hendaklah dipertanggungjawabkan ke atas Pemilik.

28. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KEROSAKAN OLEH PEMILIK

28.1 Dalam keadaan berlaku kerosakan ke atas Kelengkapan yang tidak boleh diperbaiki di Premis, maka Pemilik bolehlah, tertakluk kepada kebenaran bertulis Penyewa terlebih dahulu, mengalihkan Kelengkapan di suatu tempat kerja yang lebih bersesuaian bagi membolehkan kerja penyelenggaraan dan pembaikan ke atas kerosakan tersebut dijalankan dengan sempurna. Bagi maksud ini, Pemilik hendaklah memastikan suatu Kelengkapan alternatif yang sama kapasitinya dibekalkan kepada Penyewa sebagai gantian sementara kerja pembaikan tersebut dijalankan tanpa sebarang kos kepada Penyewa.

28.2 Jika Pemilik didapati masih gagal untuk memperbaiki kerosakan ke atas Kelengkapan atau jika diperbaiki telah gagal untuk mengembalikan Kelengkapan dalam masa dua (2) bulan dikira dari tarikh bermulanya kerja pembaikan, maka adalah menjadi tanggungjawab Pemilik untuk menggantikannya dengan Kelengkapan yang lain.

29. IKATAN PERJANJIAN

Perjanjian ini hendaklah mengikat agen-agen, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penerima pindah milik Pemilik.

Ruangan ini sengaja di biarkan kosong

BAGI MENYAKSIKAN PERJANJIAN kedua-dua pihak dengan ini menurunkan tandatangan masing-masing pada hari bulan dan tahun seperti yang dinyatakan di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA



(Tandatangan Pegawai)

Nama Penuh : Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman

No. Kad Pengenalan : 610529-06-5073

Atas sifat **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** yang diberi kuasa dengan sepenuhnya menandatangani untuk dan bagi pihak



Meterai atau Cop Rasmi

Di hadapan



Tandatangan Saksi


Nama Penuh : Datin Roseleena Hashim

No. Kad Pengenalan : 650318-03-5284

Jawatan : Setiausaha Perbadanan

Ditandatangani untuk dan bagi pihak

YEE COPIER SALES & SERVICE




(Tandatangan Pegawai)

Nama Penuh :


No. Kad Pengenalan :

Atas sifat **PENGURUS SYARIKAT** yang diberi kuasa dengan sepenuhnya menandatangani untuk dan bagi pihak



Meterai atau Cop Rasmi

Di hadapan



Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

JADUAL

Perkara (1)

KETERANGAN KELENGKAPAN		
Keterangan dan Buatan	Model	Premis
Mesin Penyalin Sharp	(1 Unit) Sharp MX-3610NR Fungsi : Penyalin, Pencetak & Pengimbas	Perbadanan Productiviti Malaysia (Malaysia Productivity Corporation) (MPC) Alamat : Pejabat Negeri Kelantan Tingkat 3, Wisma Perkeso, Jalan Kota Darul Naim, 15538 Kota Bharu, Kelantan. No. Telefon : 09-741 6260/61/62 No. Faksimili : 09-741 6263

Perkara (2)

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Sewa Bulanan	:	RM 250.00 / Bulan (Sharp MX-3610NR)
Tempoh Sewaan	:	24 BULAN (2 TAHUN)
Bacaan Meter Reading	:	B/W RM 0.03 Per Copy COLOUR RM 0.45 Per Copy
Machine Speed	:	B/W 36ppm COLOUR 36ppm
Machine Capability	:	3GB Memory : 600 x 600 dpi resolution : Warm-up Time 20 Seconds : First Output Speed B/W : 5.2 Seconds COLOUR : 6.8 Seconds